

SEKOLAH LATIHAN PENGENDALI MAKANAN

- 1. Apakah Sekolah Latihan Pengendali Makanan?**
Sekolah Latihan Pengendali Makanan adalah pusat latihan yang menawarkan Kursus Latihan Pengendali Makanan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan (KKM).
- 2. Apakah jenis perniagaan/aktiviti yang perlu ada dalam sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) / Undang-Undang Kecil Koperasi / Lesen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memohon pengiktirafan SLPM dengan KKM?**
Sijil SSM / Undang-Undang Kecil Koperasi / Lesen PBT yang dikemukakan hendaklah mempunyai jenis perniagaan/aktiviti berkaitan dengan latihan.
- 3. Adakah pihak Universiti / Institusi yang tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh memohon pengiktirafan SLPM dengan KKM?**
Pihak Universiti / Institusi perlu mengemukakan surat kebenaran atau pengesahan daripada Ketua Jabatan di Bahagian yang akan bertanggungjawab menjalankan kursus Latihan Pengendali Makanan di Universiti/Institusi tersebut.
- 4. Dimanakah permohonan SLPM boleh dibuat?**
Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui sistem FoSIM.
- 5. Apakah keluasan minima dalam memenuhi kriteria keluasan bilik kursus Latihan Pengendali Makanan (LPM) yang sesuai dengan kapasiti peserta?**
Keluasan bilik latihan perlu bersesuaian dengan kapasiti kerusi dan meja serta pergerakan peserta yang selesa dengan sekurang-kurangnya keluasan ruang lantai 0.90 – 1.00 meter persegi bagi seorang peserta.
- 6. Adakah SLPM boleh melaksanakan kursus latihan pengendali makanan setelah diluluskan di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pengiktirafan Program Latihan Pengendali Makanan?**
Tidak boleh. SLPM hanya boleh melaksanakan kursus latihan pengendali makanan setelah sijil akreditasi SLPM ditandatangani oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) [TKPK (KA)], KKM.

7. Bagaimanakah tempoh sah laku sijil akreditasi SLPM ditetapkan?

Tempoh sah laku sijil akreditasi SLPM adalah tiga tahun bermula dari tarikh tandatangan TKPK(KA), KKM pada sijil tersebut.

Tempoh sah laku sijil akreditasi SLPM bagi pertukaran lokasi pejabat operasi, nama SLPM dan pertukaran atau penambahan bilik latihan tetap adalah mengikut tempoh sah laku sijil akreditasi SLPM sedia ada.

8. Bilakah permohonan pertukaran lokasi pejabat operasi/cawangan SLPM perlu dikemukakan kepada JKN?

Permohonan pertukaran lokasi pejabat operasi/cawangan SLPM perlu dikemukakan kepada JKN dalam tempoh satu bulan selepas berpindah dan beroperasi di lokasi baru.

9. Apakah yang dimaksudkan dengan SLPM berisiko?

SLPM akan dikategorikan sebagai SLPM berisiko sekiranya SLPM tersebut didapati berisiko menjejaskan pelaksanaan aktiviti Program LPM seperti berikut:

- SLPM yang tidak aktif iaitu SLPM yang tidak menjalankan sekurang-kurangnya 1 sesi Kursus Latihan Pengendali Makanan setiap enam bulan
- SLPM yang pernah diberikan amaran atau tunjuk sebab pertama kerana melakukan pelanggaran syarat akreditasi SLPM.

10. Bolehkah kelas SLPM dijalankan pada waktu malam?

Pihak SLPM boleh mengadakan kursus LPM pada waktu malam. Walau bagaimanapun, SLPM perlu memastikan aspek keselamatan peserta dan mendapat kelulusan mengadakan kelas malam daripada pihak Ibu Pejabat BKKM atau Jabatan Kesihatan Negeri.

11. Bolehkah SLPM mengadakan kursus LPM secara atas talian?

Pihak SLPM boleh mengadakan kursus LPM secara atas talian. Walau bagaimanapun, SLPM perlu mengemukakan permohonan mengadakan kursus LPM secara atas talian kepada Ibu Pejabat BKKM dan mematuhi garis panduan penganjuran kursus LPM secara atas talian yang boleh didapati dalam laman sesawang BKKM.